



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN HAJI SULAIMAN  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PELANCARAN PELAN PENGURUSAN RISIKO (ERM) JABATAN 2021 – 2025**

**26 JULAI 2021 (ISNIN)**

**8.30 pagi**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**YBHG. DATO' IR. HAJI AHMAD REDZA BIN GHULAM RASOOL**

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

**YBHG. DATO' HABBALI BIN IBRAHIM**

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

Pengarah-Pengarah Kanan / Pengarah-Pengarah Cawangan, Pengarah-Pengarah JKR Negeri dan Wilayah Persekutuan, Pengarah-Pengarah Pasukan Projek Khas

Pegawai-pegawai JKR, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA, kita diberi ruang dan peluang untuk bersama-sama pada hari **Pelancaran Pelan Pengurusan Risiko Jabatan 2021-2025**.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga, berkongsi pengalaman serta ilmu kepakaran dalam merangka dan membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Jabatan yang lebih komprehensif dan realistik dalam menangani cabaran persekitaran yang tidak menentu serta sentiasa berubah mengikut peredaran semasa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **PENGENALAN**

3. Biarpun negara sedang berdepan penularan pandemik COVID-19 dan sedang melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 dan Fasa 2, kerja yang diamanahkan kepada kita tetap perlu diteruskan kerana komitmen dan tanggungjawab terhadap jabatan seharusnya diterjemahkan dengan keberhasilan yang memenuhi ekpektasi kerajaan khususnya pemegang taruh.

4. Fenomena tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah kini menuntut jabatan merangka proses perancangan yang teliti dan realistik ke arah merealisasikan wawasan, misi dan objektif yang disasarkan.

5. Kita sedar bahawa JKR adalah agensi teknikal terulung dalam pembangunan negara. Oleh itu, peranan dan fungsi jabatan seharusnya dijajarkan menerusi spektrum ikatan *teamwork* serta keserasian seluruh warga JKR agar jabatan ini terus dipercayai dan terus kekal relevan.
6. Usah jadikan risiko sebahagian daripada halangan kita dalam mengekalkan momentum kecemerlangan tetapi meletakkan risiko sebagai konteks mencipta peluang serta nilai tambah kepada jabatan. Berhenti mencipta alasan dan rebut segala cabaran untuk dijadikan peluang.
7. Sebagai sebuah jabatan teknikal serta penasihat teknikal utama di negara ini, JKR merupakan penggerak dalam pembangunan infrastruktur ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan seiring dengan hala tuju negara.
8. Namun saya faham, sebagai penggerak industri pembangunan negara, JKR juga sering berhadapan dengan tekanan serta cabaran yang besar dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi ekspektasi rakyat yang semakin meningkat.
9. Justeru itu, saya mohon kekuatan JKR diperkukuhkan melalui perancangan yang berstrategik merangkumi hala tuju, bidang fokus, objektif, strategi, beserta pelan tindakan jangka panjang yang berfokus, idealistik dan realistik demi memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepertimana yang diharapkan oleh pelanggan dan pemegang taruh.

10. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pelan Strategik JKR 2021-2025 telah pun dilancarkan pada 29 September 2020 manakala Pelan Bisnes Jabatan 2021-2025 pula telah dilancarkan pada 22 Februari 2021. Kedua-dua dokumen ini menjadi teras pegangan oleh warga JKR dalam merealisasikan komitmen yang diamanahkan.

11. Untuk terus kekal relevan, jabatan perlu memiliki sistem tadbir urus yang bersistematik dalam melaksanakan mandat kerajaan melalui prinsip akauntabiliti dan elemen integriti serta ketekunan wajar di setiap lapisan profesion warga kerja JKR.

### **PELAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI (ERM) JABATAN 2021-2025**

12. Oleh yang demikian, penghasilan Pelan Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) Jabatan 2021-2025 merupakan komitmen bersepadu Jabatan dalam merealisasikan perancangan strategik yang digariskan dalam Pelan Strategik dan Pelan Bisnes JKR 2021-2025.

13. Perincian insiden risiko disusuli dengan strategi rawatan pencegahan dan mitigasi yang mantap serta *resilient*, pelaksanaan yang teratur serta pemantauan yang berkesan perlu dizahirkan oleh semua sektor Cawangan, Negeri dan Pasukan Projek Khas di JKR demi mencapai matlamat penyampaian perkhidmatan yang terbaik berteraskan kecemerlangan dan keberhasilan.

14. Pengurusan risiko merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi yang perlu diberi perhatian. Lantaran itu, Jabatan telah menggariskan hala tuju Pelan Pengurusan Risiko Organisasi berasaskan aspek-aspek seperti perundangan, manusia, reputasi, kewangan dan operasi.

15. Melaluinya, Jabatan boleh mengukur, menganalisis tahap risiko sesuatu program/aktiviti dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko yang dikenal pasti.

16. Dengan terhasilnya pelan ini, maka kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko dapat dipertingkatkan. Justeru, saya menzahirkan harapan yang tinggi agar pelan ini dapat mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada semua warga JKR.

17. Selaras dengan itu adalah menjadi keutamaan Jabatan untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan berterusan terhadap pelan pengurusan risiko yang berkesan bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan di JKR.

Hadirin yang dihormati sekalian

18. Matlamat utama pengurusan risiko organisasi adalah untuk meningkatkan kesedaran keseluruhan warga organisasi terhadap kewujudan apa jua risiko dalam melaksanakan tugas harian, mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan impak gangguan tersebut terhadap penyampaian perkhidmatan.

19. Menerusi pelaksanaan pengurusan risiko, Jabatan dapat menangani ancaman risiko yang ada dan dapat memberi fokus kepada risiko yang berpotensi untuk berlaku.

20. Bagi mewujudkan pelan risiko yang lengkap dan sempurna, Jabatan telah melaksanakan proses penganalisan risiko menggunakan model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun. Penganalisan yang sempurna menjamin insiden-insiden risiko dikenal pasti berdasarkan perkhidmatan teras jabatan ini.

21. Saya percaya serta yakin daripada penemuan ke atas tahap risiko yang pelbagai membolehkan tindakan diambil oleh jabatan ini untuk melaksanakan mitigasi dan kawalan.

## **HARAPAN & PENUTUP**

22. Akhir kata, saya mengharapkan agar Pelan Pengurusan Risiko Organisasi Jabatan ini akan menjadi pemangkin serta pencetus semangat kepada seluruh warga JKR untuk terus komited dan konsisten dalam mencapai Visi, Misi dan Objektif Jabatan yang telah ditetapkan.

23. Justeru, saya berharap agar semua warga JKR dapat memastikan Pelan Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) Jabatan 2021-2025 ini dihayati dan dilaksanakan secara berkesan serta menyeluruh untuk mencapai tahap pengurusan risiko yang dapat menjamin kesinambungan perkhidmatan di JKR.

24. Saya menyeru kepada seluruh warga JKR, dengan adanya strategi rawatan yang telah digariskan dalam pelan ini, kita semua dapat menggembeng usaha dalam merealisasikan inisiatif-inisiatif yang diketengahkan dalam Pelan Strategik JKR dan Pelan Bisnes Jabatan bagi memastikan JKR terus kekal relevan sebagai pusat rujukan teknikal negara.

25. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan sukacitanya merasmikan Pelan Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) Jabatan 2021-2025.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.